

## BAB KETIGA

### SYEIKH DĀWŪD BIN ABD ALLĀH AL-FATĀNÎY:

#### 3.1 SEJARAH HIDUP

Maklumat mengenai sejarah hidup tokoh terbilang yang hidup disekitar abad ke-13H atau abad ke-19M ini sangat terbatas. Tidak banyak maklumat sama ada yang berbentuk dokumen ataupun lisan yang diperolehi. Keadaan yang sama juga dialami apabila mengkaji tokoh-tokoh ulama yang hidup sebelumnya seperti Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrīy, Syeikh Shams al-Dīn al-Sumaterānīy, Syeikh Abd al-Rauf Fansūrīy dan ulama sezaman. Begitu jugalah halnya dengan ulama-ulama sezaman dengan Syeikh Dāwūd dan ulama selepasnya.

Keadaan ini berpunca dari kurangnya bahan-bahan bertulis mengenai sejarah hidup tokoh berkenaan. Malah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tidak bertulis melalui wawancara atau soal selidik juga tidak banyak membantu dalam mengatasi kebuntuan tersebut kerana kesukaran untuk menemui individu yang mengetahui mengenai latar belakang kehidupan beliau.

Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Fatāniy telah meninggalkan kita hampir 150 tahun yang lalu. Dengan itu tidak ramai lagi individu-individu yang benar-benar mengetahui mengenainya. Kalaupun ada hanya mereka yang mendengar cerita-cerita mengenainya secara lisan dari generasi sebelum mereka.

Para pengkaji barat sama ada dari Timur maupun barat yang menjalankan kajian mengenai latar belakang tokoh ini tidak dapat mengumpulkan maklumat yang dikira lengkap mengenai tokoh ini. Buku *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara* oleh Wan Muhd.Shaghir Abdullah merupakan penerokaan awal bagi menggali riwayat hidup dan sumbangaan tokoh ini.

Pengkaji barat seperti V.Matheson dan H.B.Hooker hanya meneroka latar belakang tokoh ini melalui tarikh karya-karya beliau dihasilkan dan berdasarkan sumber-sumber lain mengenai Mekah dan Patani.

#### **SUSURGALUR KETURUNAN SYEIKH DĀWŪD**

Nama penuh beliau ialah Syeikh Wan Dāwūd bin Syeikh Wan Abdullah bin Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik

bin Tok Wan Abu Bakr bin Tok Kaya Pandak bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Daud Fatani. Beliau digelar sebagai *Al-'Alim al-Allamah al-'Arif al-Rabbani*<sup>1</sup>. Beliau juga digelar sebagai "Syeikh Dawd Waliullah", "Syeikh Dawud Pengarang Kitab".<sup>2</sup>

Dari sebelah ibunya pula, beliau adalah putera kepada Wan Fatimah binti Wan Salamah bin Tok Banda Wan Su bin Tok Kaya Rakna Diraja bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharaja. Nasab beliau dari sebelah bapa dan ibunya bertemu pada Andi (Faqih) yang bergelar Datuk Maharaja.

Galuran seterusnya adalah Faqih Ali Datu Maharaja bin Mustafa Datu Jambu @ Sultan Abd al-Hamid bin Sultan Muzaffar Syah Sunan Gunung Jati bin Sultan Abu Abd Allah <sup>Umar</sup> undat al-Din @ Wan Abu/Wan Bo Teri Teri @ Mawlana Isra'il Raja Champa bin Sayyid Ali bin Sayyid Nur Alam bin Jamal al-Dīn al-Akbar (al-Husaynī) bin Ahmad Syah bin Ab al-Mālik @ Abd al-Muluk bin Sayyid Alwi bin Muhammad Sāhib al-Mirbat bin Ali al-Khalī (Hadramawt) bin Sayyid Alwi (Hadramawt) bin Isa Naqib (Başrah) bin Muhammad Naqib (Başrah) bin Ali al-Urāydi (Madinah) bin Ja'far al-Sādiq bin Muhammad al-Bāqir bin Ali Zayn al-Abidin bin Ḥusayn,

cucu Rasulullah (s.a.w.) hasil perkahwinan puteri baginda Fatimah al-Zahra dengan Ali bin Abi Talib (k.w.j).<sup>3</sup>

Keluarga beliau ada hubungan dengan ulama dan pembesar di Champa, Banten, Ternate, Kelantan, Trengganu, Kedah, Johor dan tempat-tempat lain.

## KELAHIRAN

Para pengkaji tidak sepakat dalam menentukan tarikh kelahiran dan tempat kelahiran Syeikh Dāwūd al-Fatāniy. Mengenai tempat kelahiran beliau, Wan Mohd Shaghir mengatakan beliau dilahirkan di Kampung Keresik,<sup>4</sup> sebuah perkampungan tepi pantai di Patani kira-kira tujuh kilometer disebelah Timur bandar Patani sekarang. Terletak di tepi Lebuhraya Patani-Narathiwat.

Kampung yang terkenal dengan kesan-kesan sejarah yang boleh dianggap sebagai kawasan bersejarah di Patani kerana banyak bahan-bahan bersejarah sejak abad ke-16 dan ke-17 terdapat di kawasan ini.<sup>5</sup>

Abdullah al-Qariy pula berpendapat, Syeikh Dawud al-Fatani dilahirkan di Kg. Bendang Guci.<sup>6</sup> Ismail Che Daud dan Engku Ibrahim

Ismail pula mengatakan yang beliau dilahirkan di Kampung Parit Marhum berhampiran dengan Kampung Keresik.<sup>7</sup>

Wan Mohd. Shaghir bagi menguatkan lagi pendapat beliau telah merujuk kepada syair yang ditulis oleh Hj.Muhammad Hussain bin Abd.al-Latīf al-Fatāniy, yang terkenal dengan panggilan Tok Kelaba, pada kitab *Hidayat al-Muta'allim wa 'Umdat al Mu'allim* yang secara jelas menyebut Keresik kampungnya.

Tok Kelaba menulis:

*"Fatani yang masyhur negeri muallifnya,  
kampungnya itu Keresik yang hampar  
sungainya".*

Namun perselisihan pendapat ini bukanlah perkara pokok, mungkin hanya berbedaan dalam menentukan umum dan khusus sahaja. Pendapat yang mengatakan Kampung Parit Marhum juga menyebut Keresik kerana kemungkinan kedudukannya yang berhampiran.Walaupun begitu, apa yang disebut oleh Tok Kelaba tentulah lebih kuat dan kukuh kerana beliau lebih hampir dengan Syeikh Dāwūd dari segi faktor masa.

Para pengkaji sekali lagi berselisih pendapat dalam menentukan tarikh kelahiran Syeikh Dawud bin Abdallah al-Fataniy. Tarikh kelahiran beliau sukar ditentukan secara tepat kerana terdapat tarikh yang berbeda-beda dalam catatan keluarganya. Catatan awal menyebut 1133H/1720M, 1153H/1740M dan 1183H/1769M merupakan tahun-tahun yang disebut sebagai tahun kelahiran beliau.<sup>8</sup>

Ismail Che Daud berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh Hj. Nik Ishak. Kg. Tikat, Kota Bharu, Kelantan menyebut 1183H sebagai tahun kelahiran Syeikh Dawud.

W.Mohd Shaghir, berdasarkan kepada maklumat yang disebut oleh Tuan Guru Haji Abd ai-Hamid bin Abd al-Qadir al-Sanawiy dalam bukunya *Risalah Bahasan Niat Sembahyang*<sup>9</sup> telah menyimpulkan bahawa Syeikh Dāwūd al-Faṭāñīy telah dilahirkan pada 1131H/1718M.

Haji Ab. al-Hamid dalam risalahnya ada menyebut:

*“Dan sangat mustajab doanya dan panjang umurnya kadar 166 tahun, iaitu mati pada masa Sultan Syarif Muhammad Arsyād Khan al-Abbāsiy 1297H”.*

Berdasarkan kepada maklumat inilah ditentukan tahun kelahiran beliau adalah 1131H. Iaitu dengan mengurangkan dari tahun kematiannya 1297H sebanyak 166 tahun berdasarkan kepada umur yang disebut dalam cacatan tersebut.<sup>10</sup>

## KELUARGA SYEIKH DAWUD AL-FATANIY

Syeikh Dāwūd al-Fatāniy adalah anak sulung dari enam orang adik beradik iaitu Syeikh Wan Abd al-Qadir, Syeikh Wan Abd al-Rasyid, Syeikh Wan Idris, Hj.Wan Nik dan seorang perempuan.<sup>11</sup>Dari keluarga ini kemudiannya telah berkembang dan mewujudkan satu rumpun keluarga yang besar dan tersebar diberbagai tempat di Nusantara dan juga Mekah.

Tidak banyak maklumat yang diperolehi mengenai perkahwinan dan isteri beliau, setakat yang diketahui,Syeikh Dāwūd sendiri tidak mempunyai anak. Oleh itu beliau telah mengambil anak-anak dan cucu saudaranya sebagai anak angkat, iaitu Wan Fatimah dan Wan Zainab anak kepada adiknya Wan Idris. Kedua-duanya dibesarkan dan dididik oleh beliau sendiri. Begitu juga dengan Syeikh Abd al-Qādir bin Abd al-Rahmān al-Fatāniy yang kemudian mewarisi keilmuan Syeikh Dāwūd al-Fatāniy.<sup>12</sup>

## PENDIDIKAN AWAL

Seperti juga orang lain, Syeikh Dāwūd mendapat pendidikan awal di institusi pendidikan tradisional yang terdapat di waktu itu. Apa lagi beliau dilahirkan dan dibesarkan di zaman Aceh dan Patani muncul sebagai pusat pendidikan Islam tradisional yang terkenal di rantau ini.

Dalam sistem tradisional tersebut, kanak-kanak memulakan pendidikan awalan dalam lingkungan umur lima atau enam tahun dengan mula belajar mengaji Al-Qur'ān. Biasanya mereka diantar kepada guru-guru yang tinggal berdekatan atau belajar dengan kedua ibubapa atau keluarga sendiri jika anggota keluarganya terlibat secara langsung dalam sistem tersebut.

Mereka tidak sahaja belajar mengaji Al-Qur'ān malah diajarkan juga dengan asas-asas aqidah seperti menghafal sifat dua puluh, yang diikuti dengan mempelajari asas-asas Bahasa Arab dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.<sup>13</sup>

Syeikh Dāwūd Fātāniy sama seperti ulama-ulama sezamannya bahkan sesudahnya, tidak terlepas dengan sistem ini. Beliau telah memulakan pendidikan awal dalam lingkungan keluarga sendiri kerana

keluarganya adalah terdiri dari kalangan ulama. Bapanya (Syeikh Wan Abdullah) dan datuknya Syeikh Wan Idris adalah ulama terkenal. Disamping belajar dengan keluarga sendiri beliau juga berguru dengan ulama-ulama setempat ada yang datang dari Timur Tengah atau Yaman.<sup>14</sup>

Beliau juga mendapat didikan dari Pondok Kuala Bekah, Pondok Kerisek, Pondok Samla dan Pondok Pauh Bok. Beliau mempelajari dan memperolehi banyak ilmu. Syeikh Dāwūd juga dikatakan belajar di Aceh selama dua tahun sebelum beliau berangkat ke Hijaz dan menetap di sana dalam jangka masa yang agak lama.<sup>15</sup>

Tidak terdapat keterangan yang menjelaskan bila beliau pertama kali berangkat ke Mekah dan usia beliau ketika itu. Ada pendapat mengandaikan yang beliau mula-mula berangkat ke Mekah di sekitar tahun 1201H/1787M ketika dalam lingkungan usia 18 tahun.<sup>16</sup> Beliau belajar di Mekah selama tiga puluh tahun dan di Madinah selama lima tahun. Justeru kerana ketinggian ilmunya beliau digelar sebagai *al-allāmah al-Āriff al-Rabbāni*.<sup>17</sup>

Di Mekah, Syeikh Dāwūd al-Fatānī bersama sekumpulan pelajar yang datang dari Nusantara telah berguru dengan ulama dan mahaguru yang terkenal di kota ilmu itu. Mereka telah mempelajari berbagai ilmu.

Syeikh Dāwūd al-Faṭāñīy dapat menguasai berbagai bidang ilmu keagamaan dan kemasyarakatan, seperti usuluddin, fiqh, *tasawwuf*, sejarah dan lain-lain termasuk ilmu-ilmu pelengkap yang membolehkan beliau menterjemah karya-karya bahasa Arab ke Bahasa Melayu.

Beliau juga mempelajari ilmu perubatan, walaupun beliau tidak menjadi pengamal perubatan, begitu juga dengan ilmu matematik dan falak.<sup>18</sup>

Ilmu yang dipelajari semacam tidak lengkap, jika tidak melibatkan diri dalam aliran tarikat yang terdapat di waktu itu. Dengan itu, beliau telah melibatkan diri dengan ajaran Tarikat Syattariah yang berasal dari India, ini adalah sebagai meneruskan trend yang berlaku di waktu sebelumnya. Bukan sekadar itu sahaja, malah beliau juga merupakan pengembang kepada tarekat ini dan dianggap sebagai Syeikh Mursyid.

Tarekat Syattariah inilah juga yang diamalkan oleh Syeikh Abd al-Ra'uf al-Fansūriy, pengarang dan ulama Aceh yang terkenal itu.<sup>19</sup> Malah beliau bersama-sama ulama-ulama dan pelajar-pelajar dari Asia Tenggara yang berada di Mekah telah menuju sebuah kesatuan anak-anak Melayu di sana.<sup>20</sup>

Setelah berada di Mekah selama 30 tahun, beliau dikatakan pulang ke Patani dengan tujuan untuk mengembang dan menyebarluaskan ilmu pengetahuan di kalangan anak bangsa di tanah air sendiri. Namun ia tidak bertahan lama kerana meletusnya perang di antara Siam dengan Patani pada 1235H.<sup>21</sup>

Syiekh Dāwūd telah terlibat secara langsung dalam perperangan itu. Perperangan inilah yang kemudiannya telah menyebabkan beliau terpaksa berundur ke Pulau Duyung, Terengganu. Setelah Patani kalah dalam perperangan tersebut, beliau menjadi pelarian politik. Kemudiannya beliau bersama-sama dengan rakan seperjuangan telah kembali semula ke Mekah dan terus menetap di sana.<sup>22</sup>

Sekembalinya beliau ke Mekah, beliau telah dilantik menjadi Ketua Syiekh Haji yang menguruskan jamaah haji. Malah beliau adalah orang pertama yang dikenali sebagai kepala Syiekh Haji di kalangan syiekh-syeikh Haji dizamannya. Disamping itu beliau juga mengajar di Masjid al-Haram dan di rumahnya sendiri.

Beliau juga meneruskan aktiviti penulisan secara lebih aktif dan terus menerus menghasilkan karya sehingga ke akhir hayatnya. Dimana

beliau berjaya menghasilkan secara purata sebuah hingga dua buah karya setahun.

Kalangan pengkaji barat menyebut Syeikh Dāwūd al-Faṭāñīy adalah pelopor dalam menghasil dan menggunakan kitab-kitab Jawi sebagai buku teks terutama dalam pengajian Islam tradisional di pondok-pondok dan madrasah.<sup>23</sup>

Malah beliau dianggap merbahaya kepada usaha-usaha sekularisasi atau kepada usaha meleburkan identiti Islam daripada orang Islam di Alam Melayu umumnya dan di Selatan Thai khususnya.<sup>24</sup>

## GURU-GURUNYA

Syeikh Dāwūd dikatakan sempat berguru dengan Syeikh Muhammmad Zain bin Faqih Jalaluddin al-Asyi, pengarang kitab *Bidayah al-Hidayah* dan *Kasf al Kirām* semasa beliau di Aceh.<sup>25</sup> Beliau juga berguru dengan Syeikh Abd al-Rahman bin Abd al-Mubin Pauh Bok.

Sewaktu di Mekah beliau telah berguru dengan ulama-ulama Patani yang bermustautin di sana, seperti Syeikh Muhammad Salīḥ bin Abd-al-

Rahman al-Fatāniy, seorang ulama syariat dan tasawwuf, Syeikh Ali bin Ishāq al-Fatāniy. Beliau juga berguru dengan Syeikh Muhammād bin Abd al-Karim Samman al-Madaniy, seorang pengasas kepada Tariqat Samaniyyah, begitu juga dengan Syeikh Alī al-Fatāniy.

Diantara guru-gurunya yang lain adalah Syeikh al-Sayyid al-Syarif Aḥmad al-Marzuki, pengarang buku *Tashil al-Nāyil al-Marām*, Syeikh Muḥammad Salīḥ bin Ibrahīm, Mufti Syāfi'eiyyah di Mekah, Syeikh Muḥammad Ali Syanwāni, Syeikh Muhammād As'ad, Sayyid Sulāyman bin Yaḥya bin Umar Maqbul al-Aḥdāl dan Syeikh Muhammād bin Sulayman al-Kurdīy.<sup>26</sup>

#### SAKHSIYYAH SYEIKH DAWUD AL-FATANIY

Tidak banyak disebut mengenai bentuk fizikal, peribadi dan sakhsiyyah ulama ulung ini. Dengan meneliti tulisan-tulisan beliau, dapatlah dirumuskan yang beliau adalah seorang yang sangat merendah diri, sentiasa mengaku banyak berdosa, mengaku lemah dan tidak berdaya, banyak bergantung kepada Allah SWT. Beliau juga terkenal dengan sifat wara'.

Mohd. Shaghir ada memetik dari buku *Risalah Bahasan Niat Sembahyang* karangan Tuan Guru Haji Abdul Hamid Senawi pandangan orang ulama terhadap Syeikh Dawud al-Fataniy, antaranya Abu Sulayman al-Khitābī al-Faqīhī, katanya: "Karangan bagi Syeikh Dāwūd al-Fatānīy, kitab yang mulia, tiada dikarang pada ilmu agama akan kitab yang seumpamanya".<sup>27</sup>

Ibrahim bin Ishaq al-Azhari pula berkata: "Melembut oleh Dāwūd Fatānīy akan fiqh dan ḥadīth seperti melembutkan Daud Nabi akan batu dan besi".<sup>28</sup>

### 3.2 KARYA-KARYA SYEIKH DĀWŪD AL-FATĀNĪY

Syeikh Dāwūd al-Fatānīy adalah seorang ulama dan pengarang terbilang di Asia Tenggara. Beliau dianggap pujangga Melayu yang terulung dizamannya. Malah menurut Voorhoeve, beliau merupakan ulama Patani yang masyhur dan produktif sekali di rantau ini kerana banyaknya karya-karya yang dihasilkan.<sup>29</sup>

Beliau telah menghasilkan karya dalam berbagai-bagai bidang ilmu Islam, seperti pemikiran Islam (aqidah), perundungan Islam (fiqh), tasawwuf, adzkār dan ad'iyah, sejarah dan lain-lain yang menggambarkan

beliau adalah seorang ulama dan sarjana Islam yang produktif dan prolifik.

\*

Dalam bidang perundangan Islam sahaja, Syeikh Dāwūd telah menghasilkan tidak kurang dari tiga belas buah karya, bermula dengan *Idah al-Bab* pada 1224H/1809M dan diakhiri dengan *Bahjat al-Mardiyah* pada 1259H/1843M mengandungi dua fasa. Fasa pertama (1224-1242H) dengan hanya menumpukan kepada topik-topik tertentu, seperti perkahwinan, farā'īd dan lain-lain, dimana karya-karyanya diseitar 20-50 halaman. Fasa kedua pula mulai 1224H-1257H dengan pengkajian yang menyeluruh dan mempunyai halaman yang banyak kecuali karyanya *Sullam al-Mubtadi* mempunyai 46 halaman sahaja dan *Bahjat al-Mardiyah* yang berbentuk risalah sahaja.<sup>30</sup>

Menurut Matheson dan Hooker, karya pertama beliau telah dihasilkan pada 1224H/1809M. Manakala karya terakhirnya pada 1258H/1843M.<sup>31</sup>

Karya fiqh beliau yang paling lengkap sekalian babnya dalam fiqh mazhab al-Syafi'iyy ialah *Hidayat al-Muta'alim* selesai ditulis pada 1244H/1828M. Sedang *Ward al-Zawāhir* (1245H/1829M) merupakan karya beliau yang paling lengkap mengenai aqidah. Manakala *Furū' al-*

*Masa'il* merupakan karya beliau yang paling besar, ditulis sejak 1254H/1838M dan dapat disiapkan pada 1257H/1841M.

Karya-karya Syeikh Dāwūd secara umumnya bolehlah dikategorikan kepada beberapa kategori.

- i. Ada yang merupakan terjemahan literal beliau kepada buku-buku *turāth* yang terkenal atau karya-karya guru beliau sendiri yang ditulis dalam Bahasa Arab.
- ii. Karya asli yang dihasilkan oleh beliau sendiri.
- iii. Karya yang merupakan salinan karya orang lain seperti guru-guru beliau dan orang lain juga tanpa sebarang tambahan.
- iv. Karya yang merupakan ulasan dan penjelasan terhadap karya penulis lain dengan memuatkan tambahan dari beliau sendiri dan dimasukkan juga pendapat ulama yang lain.

Syeikh Dāwūd al-Faṭāñī berkarya dalam dua bahasa iaitu bahasa Melayu (Jawi) dan bahasa Arab. Namun begitu karya beliau dalam bahasa Arab tidak tersebar meluas di rantau ini.

Karya-karya beliau dalam bahasa Melayu banyak tersebar dan dipelajari di Alam Melayu, karyanya telah disalin oleh murid-muridnya dan diajarkan kepada orang lain setelah mereka kembali ke tempat masing-masing. Malah Syeikh Dāwūd sendiri menyediakan jurutulis untuk menyalin karya-karya beliau.<sup>32</sup>

Masih banyak karya-karya beliau yang masih berada di pasaran dan mendapat perhatian berbagai pihak termasuk para pengkaji Timur dan Barat.

Namun terdapat perselisihan pendapat dikalangan para pengkaji dalam menentukan jumlah sebenar karya-karya beliau. Matheson dan Hooker dalam kajiannya terhadap ulama-ulama Patani menyebut yang karya Syeikh Dāwūd sebanyak 20 buah dan 12 daripadanya masih beredar di pasaran. Selebihnya sudah tidak beredar lagi di pasaran dan kalaupun ada hanya dalam bentuk manuskrip.<sup>33</sup>

Wan Mohd Shaghir telah menyenaraikan sebanyak 66 buah karya Syeikh Dawud.<sup>34</sup> Manakala Ismail Che Daud telah menyenaraikan sebanyak 41 judul karya Syeikh Daud al-Faṭāniy. 30 daripadanya yang sudah dapat dikesan, manakala 11 buah lagi hanya diketahui judulnya

sahaja tanpa melihat naskhahnya.<sup>35</sup> Abdullah al-Qari pula menyebut Syeikh Dāwūd telah menghasilkan tidak kurang dari dua puluh dua kitab, kecil dan besar, dalam berbagai bidang ilmu Islam, seperti *tawhid*, *taṣawwuf*, perundangan, *fada'il* dan sejarah.<sup>36</sup> Jumlah yang disebut ini kemungkinan berdasarkan kepada karya-karya yang beliau temui.

Perbedaan dalam menentukan bilangan karya beliau yang berlaku dikalangan pengkaji tersebut, mungkin berpunca dari sumber kajian dan sejauhmana usaha yang dijalankan oleh para pengkaji itu sendiri. Jumlah yang disebut adalah berdasarkan kepada penemuan terkini mereka, sedangkan kajian-kajian yang menyeluruh masih berjalan. Contohnya Mohd Shaghir, sebagai seorang penyelidik, memberikan jumlah yang berubah-ubah. Dalam Majalah *Dian*, (1977) beliau menyebut karya Syeikh Dāwūd sebanyak 89 buah tetapi menyenaraikan 24 buah sahaja. Dalam bukunya *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, (1990), beliau telah menyenaraikan sebanyak 57 buah. Manakala dalam *Munyatul Mushalli Syeikh Daud al-Fathani* (1991) disenaraikan sebanyak 61 buah. Manakala dalam kertas kerjanya "Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat" beliau menyebut karya beliau sebanyak 101 jodol selain dari yang telah disenarikan sebelumnya sebanyak 66 buah. Perbedaan dan perubahan

sebegini adalah perkara biasa bagi perkara yang masih dalam peringkat pengkajian dimana fakta-fakta baharu sentiasa ditemui.

Kitab-kitab karangan Syeikh Dáwúd kebanyakannya dicetak untuk pertama kalinya di Mekah, Mesir, Istanbul dan Turki. Kemudiannya diulang cetak di Nusantara sendiri seperti di P.Pinang, Singapura, Patani, Bangkok, Kota Bharu, Ceribon dan Surabaya.

## I. KARYA-KARYA YANG DITERBITKAN

### 1. *Kifayah al-Muhtaj*

Karya ini dihasilkan pada 1204H dan dikatakan karya beliau yang terawal dan dicetak pada 1224H/1808M. Karya ini membicarakan mengenai kisah Isrā' dan Mi'rāj yang berdasarkan kepada kitab *Mi'rāj al-Nabi* karya Najm al-Dīn al-Ghātiy (m.1504M) dan juga ulasan al-Kalyubiy (m.1658M).

Karya beliau ini adalah karya awalan mengenai Isrā' dan Mi'rāj yang ditulis dalam bahasa Melayu. Didalamnya terdapat penjelasan beliau mengenai berbagai jenis syurga dan neraka. Di bahagian tepinya

disertakan dengan keterangan mengenai sirah Rasulullah (s.a.w.) dan disudahi dengan doa Isrā' dan Mi'rāj.

Kitab ini diterbitkan beberapa kali di Mekah, Mesir, Turki dan Nusantara. Disamping edisi yang diterbitkan, terdapat juga naskhah yang masih berbentuk manuskrip.

Abd Ghaffar bin Muhammad telah mengkaji karya ini untuk latihan ilmiah bagi siswa tahun akhir di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada sessi 1988 dengan judul *Kifāyat al-Muhtāj Fi Al-Isrā Wal Mi'rāj: analisis dan penurunan teks*. Manakala Wan Farid bin Wan Muhammad telah mengkaji pemakaian ḥadīth dalam karya ini sebagai subjek kajian beliau dalam kertas projek di Bahagian Pengajian Usuluddin bagi sessi 1996/7.

## 2. *Idāh al-Bāb li Murid al-Nikāh bi al-Sawāb*

Karya ini disiapkan pada 1224H/1809M. Isi kandungannya memuatkan keterangan yang terperinci salah satu bab dalam fiqh iaitu mengenai *munākahāt* (perkahwinan). Mengandungi lapan bab dengan dimulai dengan bab mengenai kelebihan berkahwin dan disudahi

dengan bab yang menyebut mengenai nafkah isteri dan penjagaan anak.

\*

Topik lain yang disebut adalah mengenai sifat-sifat wanita yang akan dikahwini, prosedur perkahwinan seperti melihat wanita bakal isteri, pertunangan, walimah, rukun-rukun nikah dan syarat-syaratnya, mas kahwin, perceraian dan topik-topik yang berkaitan dengannya, dan lain-lain tajuk yang berkaitan dengan perkahwinan.<sup>37</sup>

Karya inilah mungkin yang dimaksudkan oleh Snourck Hurgronje sebagai "*a handbook of marriage-law anonymously published in Constantinople*".<sup>38</sup>

Naskhah awal kitab ini diterbitkan di Mesir pada 1334H/1925M dan seterusnya dicetak di Mekah dan Istanbul. Karya yang mengandungi 60 halaman ini telah diterbitkan oleh Pustaka al-Maārif, P.Pinang berdasarkan kepada versi terbitan Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah, Kahirah. Ia juga dicetak oleh Sulayman Marī'e, Singapura pada 1348H/1929M. Kedua versi tersebut adalah versi yang ditashihkan oleh 'Uthmān Salīh al-Azhariy.

### **3. *Ghayat al-Taqrib fi al-Irth wa al-Ta'sib***

Karya terjemahan ini telah dihasilkan pada 1226H/1811M mengandungi 24 halaman. Kandungannya mengenai pembahagian harta pusaka (*farā'iḍ*) berdasarkan kepada mazhab Syāfi'iyy. Dicetak untuk pertama kali di Matba'ah al-Miriyah, Mekah pada 1311H/1895M. Kitab ini dicetak beberapa kali di Mesir, Mekah dan Nusantara. Antaranya naskhah terbitan Sulayman Mar'i, Singapura dengan ditashih oleh Syeikh Muhammad Idris al-Marbawiy, tanpa menyebut tahun ianya diterbitkan.

Karya ini telah ditransliterasi dan dianalisa teksnya oleh Fatimah binti Haji Termazi, untuk kajian tahun akhir di Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya bagi sessi 1995/1996.

### **4. *Nahj al-Rāghibīn wa Subul al-Muttaqīn***

Kitab setebal 588 halaman ini dihasilkan pada tahun 1226H/1811M. Kandungannya mengenai jual beli dan topik-topik yang berkaitan dengannya. Ianya turut membincangkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan hukum-hukum sivil, jenayah, jihad, kehakiman, pendakwaan, kesaksian dan pentadbiran secara yang mendalam tanpa menyebut tajuk-tajuk yang berkaitan dengan ibadat.

Kitab ini pernah dicetak dibahagian tepi (*hamisy*) karyanya *Bughyat al-Tullāb*, sebagai pelengkap kepada perbincangan yang dimuatkan didalam buku tersebut.

Karya ini pernah dicetak beberapa kali di Mesir, Mekah dan Turki. Karya ini yang dicetak bersama dengan *Bughyat al-Tullāb* telah diterbitkan oleh Dar al-Tibā'ah al-Maṣriyyah, tanpa disebut tahun, yang kemudinya diterbitkan semula oleh Dar al-Ma'arif. P.Pinang Naskhah ini terdapat di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

#### 5. *Bulūgh al-Marām*

Dihasilkan pada 1227H/1812M. Dicetak beberapa kali di Matba'ah al-Miriyyah, Mekah dengan cetakan pertamanya pada 1310H/1892M. Kitab ini membicarakan mengenai niat solat yang sah mengikut madhab Syāfi'iyy.

#### 6. *Għayat al-Marām fi Kayfiyyat Ada' al-Hajj al-Islam*

Karya yang mengandungi 40 halaman membicarakan cara mengerjakan ibadat haji dan umrah ini dicipta pada 1229H/1818M.

Pernah dicetak beberapa kali, antaranya cetakan tahun 1332H di Matba'ah al-Miriyyah, Mekah.

#### 7. *Al-Durr al-Thamīn fi Aqā'id al-Mu'minīn*

Kitab ini selesai ditulis pada 17hb Syawal 1232H/1816-17M mengandungi 103 halaman. Memuatkan perbicaraan mengenai asas-asas aqidah Islam mengikut aliran *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*.

Syeikh Dāwūd telah mengupas mengenai konsep tauhid yang berteraskan pengesaan Allah, sifat-sifat Allah, Al-Qur'an sebagai firman Allah, Nabi-nabi dan Rasul-rasul serta mukjizat mereka. Beliau juga mengulas mengenai qada' dan qadar dan ikhtiar seorang hamba,begitu juga mengenai kehidupan sesudah mati dan di hari akhirat. Turut dimuatkan juga dalam kitab ini ulasan mengenai kelebihan dan kebaikan ilmu agama.

Kitab ini adalah diantara karya Syeikh Dāwūd al-Fatā'īn yang banyak kali dicetak, baik di Nusantara maupun di Asia Barat, Turki dan India. Cetakan terawal ialah versi yang dicetak di Matba'ah al-Miri, Mekah pada 1323H dengan disunting oleh Syeikh Ahmad bin Muhamad Zain al-Fatā'īn.

8. *Kasf al-Ghummah fi Ahwal al-Mawta fi al-Barzakh wa al-Qiyāmah*

\*

Karya ini selesai ditulis pada 20hb Rabi' al-Awwal 123/1819M. Ianya dipadankan dari karya-karya Jalāl al-Dīn al-Suyūtī; *Syarḥ al-Šudūr* dan Abd al-Wahhāb al-Sya'rānī; *Mukhtasar Tadhkirat al-Qurtubīy* dan terdiri dari dua jilid. Di antara cetakan awalnya ialah cetakan Mekah iaitu pada 1326H/1908M. Dalam senarai kitab-kitab Jawi yang dijual di Maktabah al-Fataniyah, yang dicetak dihalaman belakang kitab-kitab Jawi telah mengkategorikan kitab ini sebagai kitab ḥadīth.

Dalam jilid pertamanya, Syeikh Dāwūd al-Faṭānī telah mengupas mengenai kematian, persediaan bagi menghadapi kematian dan menerangkan perjalanan roh bermula dari saat dipisahkan dengan jasad dan memasuki alam *barzakh*. Keadaannya semasa berada dalam tempoh peralihan di antara kematian dan kebangkitan semula juga disebut, disamping persoalan yang berkaitan dengan malaikat.

Dalam jilid kedua pula, beliau membicarakan mengenai hari kiamat dan alam akhirat termasuk syurga, neraka dan balasan ni'mat dan siksaan yang dikenakan kepada manusia.

## **9. *Jam' al Fawā'id wa Jawahir al-Qalā'id***

Kitab ini ditulis pada 1239H/1908M dan dicetak untuk pertama kalinya di Mekah pada 1303H setelah ditashihkan oleh Syeikh Ahmad bin Muḥammad Zain al-Faṭāñī. Karya setebal 331 muka ini memuatkan perbicaraan mengenai fiqh, yang diakhirnya dikaitkan pula dengan menyebut berbagai-bagai aspek yang berkaitan dengan akhlak dan *tasawwuf*.

Syeikh Dāwūd mengulas mengenai ibadat, doa, zikir, kelebihan hari-hari dalam seminggu serta amalan-amalannya. Disamping disebut mengenai hak wanita terhadap suami dan sebaliknya.

Pada bahagian tepi buku ini dimuatkan karya Syeikh Nūr al-Dīn al-Rāniriy; *Al-Fawā'id al-Bahyah*. Kitab ini ditulis cetak oleh Muhammad al-Nahdi, tanpa menyebut tarikh dan tempat dan Sulāyman Mar'īe, Singapura tanpa menyebut tarikh. Ia masih beredar di pasaran.

## **10. *Kanz al-Minan 'Alā Hikam Abi Madyan*:**

Sebuah karya terjemahan yang dihasilkan oleh Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭāñī. Ia dihasilkan pada tahun 1240H. Ia sebagai

terjemahan dari kitab *Al-Hikam* karangan Syeikh Abi Madyan. Kandungannya adalah mengenai *taṣawwūf*. Karya ini dicetak untuk pertama kalinya di Matba'ah al-Miriyyah pada tahun 1324H. Ulasan dan huraian yang terdapat dalam karya ini hampir sama dengan yang terdapat dalam *Syarḥ Hikam* yang disebut sebagai karangan Haji Abdul Malik, Trengganu.<sup>39</sup>

#### 11. *Minhāj al-'Ābidīn Ila Jannat Rabb al-'Ālāmīn:*

Karya ini adalah sebuah lagi karya terjemahan Syeikh Dāwūd. Ia adalah terjemahan kitab *Minhāj al-'Ābidīn* karangan al-Ghazālī (m.1111M). Ia dihasilkan pada 1240H/1825M. Karya setebal 148 halaman ini membicarakan mengenai *taṣawwūf*.

Cetakan awal kitab ini dibuat di Turki pada 1305H setelah ditashihkan oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatā'ānīy. Karya ini masih dipelajari di institusi pendidikan Islam tradisional dan dalam kelas-kelas pengajian di masjid dan surau.

## 12. *Munyat al-Muṣalli*:

Syeikh Dāwūd al-Fatāñī disamping menghasilkan karya-karya yang membicarakan persoalan fiqh secara lengkap dan menyeluruh. Beliau juga menghasilkan karya dalam bentuk risalah-risalah kecil yang membincangkan topik khusus dalam fiqh Islam, seperti ṣolat, haji, *fara'īd* dan lain-lain.

*Munyat al-Muṣalli* adalah dari jenis kedua ini, dimana ia merupakan risalah yang mengandungi 37 halaman dan selesai disediakan pada 1242H. Dicetak untuk pertama kalinya di Matba'ah al-Miriyah, Mekah setelah diedit oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain. Risalah ini banyak kali diulang cetak dan masih berada di pasaran.

Risalah ini merupakan panduan ibadat solat yang paling banyak disalin sebelum ianya dicetak, terdapat banyak naskhah manuskrip risalah ini di Muzium Islam Malaysia.<sup>40</sup> Malah ia masih dipelajari sampai sekarang. Risalah ini pernah disebut sebagai panduan rohaniah dan hukum dalam hubungan ibadat solat yang tiada bandingannya dalam persuratan Islam Nusantara dalam tulisan Jawi.<sup>41</sup>

Syeikh Dāwūd juga turut menyentuh mengenai pemerintahan yang baik (adil) dan pemerintahan yang jahat (zalim), walaupun tiada kaitan dengan judul risalah ini. Ini adalah kerana permintaan seorang sultan dari negeri Melayu. Apa juga pendapat yang mengatakan isu tersebut dimasukkan kerana semasa karya tersebut disiapkan politik Patani sedang bergolak kerana tercetusnya perang dengan kerajaan Siam.<sup>42</sup> Karya ini telah ditransliterasikan ke dalam tulisan Rumi oleh Hj. Wan Mohd Shaghir Abdullah dan diterbitkan oleh Khazanah Fathaniyyah, pada 1991.

### 13. *Hidayah al-Muta'alim wa Umdah al-Mu'allim*

Karya ini disiapkan pada hari Juma'at ini disiapkan pada hari Jumaat 12 Jumād al-Thāni 1244H/1826M. Manakala cetakan pertamanya disempurnakan di Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada 1312H. Versi ini telah disunting dan diperbaiki oleh Syeikh Ahmad bin Muhammed Zain al-Fatāniy.

Karya ini diantara karya fiqh yang terlengkap di Asia Tenggara, ia menyentuh dan merangkumi setiap bab yang terdapat dalam perbincangan fiqh. Disamping itu, Syeikh Dāwūd seperti kebanyakan karya-karya fiqhnya yang lain disertakan juga perbicaraan mengenai

tawhid dan tasawuf. Beliau juga memuatkan 40 buah ḥadīth dari berbagai tajuk yang disebut oleh Mohd Shaghir sebagai ḥadīth Empat Puluh Syeikh Dāwūd.<sup>43</sup> ḥadīth tersebut sebenarnya diambil dari buku *Kasf al-Ghummaḥ An Jami' al-Ummah* karangan Syeikh Abd al-Wahhāb Sya'rāniy.<sup>44</sup>

14. *Ward al-Zawāhir li Hill Alfaz Aqd al-Jawāhir.*

Selesai disiapkan pada hari Selasa 24hb Safar 1245H di Mekah dan mengandungi 432 halaman,kandungannya membicarakan ilmu tauhid. Ia merupakan kitab tauhid yang terbesar yang ditulis dalam tulisan Jawi. Pernah dicetak pada tahun 332H di Matba'ah al-Miriyyah, Mekah hasil dari usaha keluarga beliau.<sup>45</sup>

15. *Fath al-Mannān:*

Karya ini dihasilkan pada 1249H/1833M.Ia merupakan terjemahan dan ulasan dari *Matan Zubad* karangan Ibn Ruslan al-Dimasqy dan ditulis dalam bentuk nazam. Ini adalah terjemahan pertama buku tersebut dalam bahasa Melayu.Dibahagian awal kitab ini beliau telah memuatkan perbincangan mengenai usuluddin, sejarah dan keterangan mengeñai

*usul al-fiqh*, dengan ini meletakkan Syeikh Dāwūd al-Faṭāñīy sebagai ulama Nusantara yang pertama yang menulis mengenai *usūl al-fiqh*.

\*  
Keseluruhan isi kandungannya memuatkan mengenai fiqh sebagai isi utama disamping memuatkan perbicaraan mengenai ibadat, muamalat, munakahat dan juga jinayah .Pernah dicetak di Matba'ah al-Miriyah, Mekah pada 1330H/1911M. Kitab ini pernah menjadi rujukan kepada kerajaan Sambas dan Kerajaan Mempawah.<sup>46</sup>

#### 16. *Muzakarat al-Ikhwan*:

Tidak terdapat tarikh yang tepat bila karya ini dihasilkan. Beliau hanya menyebut 25hb Ramadhan tanpa menyebut tahunnya.Lalu diandaikan beliau menulis buku ini pada 1249 sesudah beliau menghasilkan *Fath al-Mannān* kerana kedua-duanya telah dicetak bersama oleh Matba'ah al-Miriyah pada 1330H.

Karya ini memuatkan wasiat-wasiat dan pesanan-pesanan Syeikh Dāwūd supaya bertaqwa kepada Allah.

## 17. *Al-Jawāhir al-Saniyyah*:

Nama penuh karya ini ialah *Kitab al-Jawāhir al-Saniyyah fi Syarḥ al-Aqā'id al-Diniyyah wa Ahkām al-Fiqh al-Mard iyyah wa Tariq al-Sulūk al-Muhammadiyyah*. Ia merupakan terjemahan dari kitab-kitab utama yang ditulis dalam bahasa Arab yang dicantumkan. Disiapkan pada hari Itnain 16hb Jumād al-Awwal 1252H waktu Duhā di Ta'if. Sebuah lagi karya mengenai perundangan Islam (fiqh) yang lengkap dan merangkumi semua bab-babnya.<sup>47</sup> cetakan pertamanya dibuat pada 1314H/1896M di Matba'ah al-Miriyyah, Mekah setelah diedit oleh Syeikh Dāwūd bin Ismail al-Fatāniy.

Karya ini dikira diantara karya beliau yang masyhur dan diulang cetak beberapa kali dan masih beredar di pasaran. Antaranya edisi yang diterbitkan oleh Syarikat Bangkol Indah, Surabaya mengandungi 280 halaman.

Keseluruhan kandungannya terdiri dari 61 kitab, 27 bab dan 144 fasal serta beberapa furu' dan masalah tambahan, yang membicarakan topik-topik yang berkaitan aqidah, fiqh dan *tasawwuf*. Asas-asas penting dalam pengajian Islam telah disentuh. Topik-topik mengenai ibadat, muamalat, munakahat dan diintegrasikan pula dengan asas-asas

aqidah dan *tasawwuf*, kerana dimuatkan sama perbincangan mengenai kelebihan kalimat tawhid, hari pembalasan, malaikat dan *tazkiah al-nafs*. Ianya sangat sesuai untuk pelajar-pelajar yang baharu mempelajari agama Islam. Perbincangan mengenai aqidah dan *tasawwuf* telah disebut di permulaan karya ini.<sup>48</sup>

Bab nikah dari karya ini telah ditahqiq oleh Zulkifli Muhammad dalam latihan ilmiah bagi mahasiswa tahun akhir di Fakulti Syariah, Akademi Islam, Universiti Malaya bagi sessi 1991/1992.

Manakala bab Qada' Kitab ini pula telah ditahqiq oleh Mohd. Nadzmi bin Che Mat dalam latihan ilmiah di institusi yang sama bagi sessi 1993/94.

#### 18. *Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifah Tariq al-Muhtadi*

Dihasilkan pada tahun 1252H/1836M, tanpa menyebut dimana karya ini dihasilkan. Ada pendapat yang mengatakan karya ini dihasilkan semasa beliau berpandukan kepada tarikh karya ini dihasilkan, pada tahun ini juga beliau telah menyiapkan karyanya *Al-Jawâhir al-Saniyyah* di Taif.<sup>49</sup>

Kitab ini dimulakan dengan perbicaraan mengenai aqidah, disusuli dengan topik-topik mengenai fiqh yang menyeluruh bab-babnya walaupun ulasannya agak lengkas dimana turut disebut mengenai bab munakahat, jinayah, hudud, jihad, farā'iq dan lain-lain kemudian disudahi dengan *taṣawwuf*.<sup>50</sup>

Karya ini banyak kali dicetak, diantara cetakan awal ialah versi terbitan al-Miriyyah, Mekah tahun 1317M/1899M dan 1318H/1900M. Pernah diterbitkan di Mesir oleh Dar Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah. Terbitan terakhir yang dibuat di Nusantara adalah berdasarkan kepada versi diatas, antaranya versi yang diterbitkan oleh Sulayman Mar'iyy, setebal 46 halaman dan ditashīḥkan oleh Alias al-Azhariy, tanpa menyebut tahun diterbitkan.

Syeikh Muhammad Nor bin Muhammad bin Ismail al-Fatāniy telah menulis sebuah buku bernama *Kifāyah al-Muhtadi* sebagai ulasan dan komentar kepada kitab *Sullam al-Mubtadi* ini. Menurut Muhd. Shaghir, kitab ini adalah diantara kitab Melayu yang pertama sekali disyarahkan.<sup>51</sup>

## 19. *Furu' al-Masa'il wa Usûl al-Wasa'il:*

Kitab ini adalah sebuah lagi karya terjemahan oleh Syeikh Dawud al-Fatâni dalam fiqh dan usuluddin. Ia telah disiapkan pada 1257H/1841M. Dikatakan beliau mula menulis kitab ini di Mekah sejak 1254H lagi. Seperti yang telah disebut sebelum ini, karya ini adalah karya Syeikh Dâwûd yang terbesar.

Karya ini adalah terjemahan beliau dari kitab *Al-Fatâwa* oleh Syeikh Muhammad al-Ramliy (1513 - 1596M) dan kitab *Kasf al-Lithâm 'An As'ilah al-Anâm* oleh Syeikh Hussain bin Muhammad al-Mahalliy (1388 - 1458M). Ia berbentuk soal jawab dan terdiri dari dua jilid. Jilid pertama setebal 275 halaman dan jilid kedua setebal 394 halaman. Dibahagian tepi kitab ini dimuatkan juga karya beliau *Kasf al-Ghumma*.

Kitab *Furu' al-Masa'il* ini dicetak untuk pertama kalinya oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada 1302H/1884M setelah ditashîhkan oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatâniy. Ia dicetak beberapa kali di Mekah, Mesir dan lain-lain tempat. Karya ini dengan beberapa versinya masih terdapat di pasaran, antaranya versi yang diterbitkan oleh Dar al-Fikr yang ditashîhkan oleh 'Uthmân Salih al-Azhariy berdasarkan kepada versi Dar *Ihya'* al-Kutub al-Arabiyyah, Mesir. Terdapat juga versi terbitan

Sulāyman Marīy, Singapura tanpa menyebut tahun cetak dengan disemak oleh Syeikh Ibrahim al-Kedahīy dan Ahmad Sa'ad al-Filfilānī.

\*

Kitab ini disebut sebagai pelengkap kepada karya beliau *Bughyah al-Tullāb* dengan membicarakan perkara-perkara yang lebih kecil secara lebih terperinci. Ia dimulakan dengan menyebut beberapa masalah 'aqidah diikuti dengan perbincangan mengenai fiqh yang dimulakan dengan bab thaharah, s'olat, janazah, zakat, puasa, haji, korban dan aqiqah, sembelihan.

Pada jilid kedua, perbincangan dimulakan dengan bab jual beli dan beberapa topik lagi mengenai muamalat, munakahat, jinayat, termasuk juga mengenai hukum perang dan damai.<sup>52</sup>

## 20. *Al-Bahjat al-Sunniyyah fi 'Aqā'id al-Sunniyyah*

Karya ini adalah terjemahan Syeikh Dāwūd dan ulasannya terhadap karya guru beliau, Syeikh Ahmad al-Marzuki yang bernama '*Aqidat al-'Awām*'. Ia selesai ditulis di Mekah pada hari Sabtu 16hb Ṣafar tanpa disebut tahunnya. Ada pendapat menyebut yang Syeikh Dāwūd menghasilkan karya ini pada 1258H.<sup>53</sup>

Kandungannya mengenai ilmu usuluddin dan topik-topik yang berkaitan dengannya. Dicetak buat kali pertamanya di Mekah pada 1303H. Pernah juga dicetak di Matba'ah al-'Alam fi Dar al-Khilafah al-Islamaiyyah pada tahun 1306H/1888M setelah diedit oleh Syeikh Ahmad al-Fataniy. Kitab ini dikenali juga dengan nama lainnya *Tahṣīl Nāyl al-Mārām li Bayān Manzumat Aqidat al-'Awām*.

## 21. *Al-Bahjat al-Mardiyat*

Sebuah risalah ringkas yang diterjemahkan dari karya Syeikh 'Azizi membincarakan mengenai hukum *muāfiq* dan *masbūq*. Risalah ini telah ditulis pada 14hb Syawal 1259H. Dicetak berkembar dengan *Munyah al-Musalli* dan banyak kali diulang cetak dan masih terdapat dipasaran.

## 22. *Bughyat al-Tullāb li Murid Ma'rifat al-Aḥkām bi al-Sawāb*:

Sebuah karya perundangan Islam yang ulung dimana perbicaraannya lebih terperinci dan mendalam daripada karya-karya yang terdahulu darinya dalam bidang ini. Malah karya ini disebut sebagai penyambung dan pelengkap kepada *Sirat al-Mustaqim* karangan al-

Raniriy dan *Sabil al-Muhtadin* oleh Syeikh Muhamad Arsyad al-Banjariy (m.1227H).

\*

Kitab ini ditulis berdasarkan kepada karya-karya *turāth* karangan ulama-ulama terbilang dalam mazhab al-Syāfi'iyy iaitu *Minhāj al-'Ābidīn* karya Imam al-Nawawiy (m.1277M), *Tuhfah* karangan Ibn Hajar al-Haytamiy (m.1567M), *al-Nihayah* karya Imam al-Ramliy (m.1596M) dan *Fath al-Wahhāb* oleh Zakariyya al-Anṣāriy (m.1520M) yang merupakan karya utama yang mempengaruhi pemikiran Islam di Alam Melayu di abad ke-19.<sup>54</sup>

Tidak seperti kebanyakan karya-karyanya yang lain,karya ini tidak disebut tarikh ciptaannya. Pertama kali ia dicetak pada 1310H/1892M di Matba'ah al-Miriyyah, Mekah dan diulang cetak pada 1321H/1903M dan 1328H/1910M. Mengandungi dua jilid, jilid pertama setebal 244 halaman dan jilid kedua sebanyak 236 halaman.

Syeikh Dāwūd memulakan bicara dengan doksologi yang panjang lebar mengenai Al-Qur'ān dan ḥadīth-hadīth mengenai ilmu pengetahuan dan kepentingan ilmu agama dan beramal dengannya, disamping menyebut rujukan kepada kitab ini. Oleh kerana kitab ini adalah dalam fiqh Shāfi'iyy, beliau telah memperturunkan biografi Imam al-Syāfi'iyy. Ini

adalah biografi tokoh Sunni yang pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu.<sup>55</sup>

\*

Bahagian pertama; membicarakan mengenai thahārah - sama dengan penulis-penulis sebelumnya - dimana disertakan semua topik-topik yang berkaitan seperti membersihkan diri untuk solat dari hadath kecil dan besar, bersugi, tayammum, membersihkan dari najis dan lain-lain.

Bahagian kedua: Solat fardu serta cara-cara menunaikannya, solat jum'at dan kayfiatnya, hukum-hukum berkaitan dengan musafir dan solat sunat.

Bahagian ketiga: Janazah dan penyelanggaraannya.

Bahagian keempat: Zakat <sup>zakat</sup> cara penunaianya, syarat penerimanya serta asnaf yang layak menerimanya.

Bahagian kelima: Puasa dan topik-topik yang berkaitan.

Bahagian keenam: Haji dan 'umrah dan tajuk-tajuk yang berkenaan dengannya.

Marzuki Abdullah siswa tahun akhir di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1993 telah melakukan kajian terhadap karya ini dari aspek laras bahasanya. Tajuk kajian beliau ialah *Bughyat al-Tullab*: Satu analisis laras.

### 23. *Diyā' al-Murid fi Ma'rifat Kalimat al-Tauhid*:

Karya ini dicetak dibahagian tepi karya beliau *al-Durr al-Thamīn*, tarikh penulisannya tidak disebut, dipercayai karya ini ditulis di Sambas, Kalimantan Barat, Indonesia semasa beliau berada di rumah muridnya, Sultan Muhammad Saif al-Dīn. Karya ini pernah dicetak berasingan dari *al-Durr al-Thamīn* di Mekah pada 1329H/1911M.

Dalam karya ini Syeikh Dāwūd telah membincarakan mengenai *kalimat al-tauhīd* yang merangkumi empat fasal dan penutup. Fasal pertama beliau telah menerangkan makna *kalimah tauhīd* itu dan dalam fasal keduanya dijelaskan pula syarat-syarat. Dalam fasal ketiga diterangkan mengenai adab-adab zikr dan dalam fasal keempat pula dinyatakan kelebihan-kelebihan atau fadhilat zikir itu dan disudahi dengan penutup dengan menyebut nama-nama dan faedah-faedahnya.

24. *Al-Sāyid wa al-Dhabā'iḥ:*

Dalam karya ini Syeikh Dāwūd memuatkan keterangan dan hukum-hukum yang berkaitan dengan binatang perburuan dan sembelihan. Termasuk juga mengenai korban, 'aqiqah, binatang yang halal dan haram dimakan serta tajuk-tajuk yang berkaitan dengannya.

Tarikh karya ini dihasilkan tidak disebut selengkapnya, beliau hanya menyebut yang kitab tersebut dihasilkan di Mekah pada hari Rabu 10hb Safar tanpa menyebut tahunnya. Karya ini dicetak untuk pertama kalinya pada 1310H/1892M di Matba'ah al-Miriyyah, Mekah.

25. *Irsyād al-Atfal al-Mubtadi'īn fi 'Aqā'id al-Dīn wa Ad'iyyah al-Nāfi'ah al-Dīn*

Tarikh karya ini dihasilkan tidak disebut. Kandungannya mengenai asas-asas 'aqidah. Dimana turut dinyatakan dalam karya ini 10 syarat iman, iaitu:

1. Kasihkan Allah.
2. Kasihkan semua malaikat.
3. Kasihkan segala Kitab Allah.
4. Kasihkan kepada semua anbiya' Allah.

5. Kasihkan segala awliya' Allah.
6. Bencikan kepada semua musuh-musuh Allah.
7. Takutkan azab dan siksaan Allah.  
\*  
8. Mengharapkan segala rahmat Allah.
9. Mbenarkan segala perintah Allah dan mengerjakannya.
10. Mbenarkan larangan Allah dan menjauhinya.

Disebut juga 10 perkara yang boleh merosakkan iman. iaitu:

1. Mensyirikkan Allah.
2. Mengekalkan perbuatan jahat yang tidak wajar ia kerjakannya.
3. Membinasakan sesama Islam dengan kezaliman dan meringankan syariat.
4. Bersalahkan hati sesama Islam dan mengkufurkannya.
5. Meringangkan syariat.  
\*  
6. Tidak takut akan gugur iman.
7. Menyerupai perbuatan kafir dan menyukainya.
8. Putus asa dari rahmat Allah.
9. Memakai pakaian kafir dan menyukainya.
10. Memutuskan dirinya dari menghadap kiblat serta meringankan hatinya.  
\*  
-

Karya ini dikenali juga dengan nama: *Kifayah al-Mubtadi fi Usul I'tiqad al-Mursyidin*. Dicetak oleh Matba'ah al-Miriyyah, Mekah pada 1309H/1891M.

**26. *Sifat Dua Puluh:***

Karya ini disebut sebagai karya Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Fatāñī tetapi ada kalangan yang mempertikaikannya. Menurut Wan Mohd Shaghir, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatāñī tidak memperakui yang kitab *Sifat Dua Puluh* sebagai karya Syeikh Dāwūd berdasarkan gaya bahasa yang terdapat dalam buku tersebut. Syeikh Wan Ali Kutan juga sependapat dengan Syeik Mohammad Zain al-Fatāñī.

Pengarang buku *Sifat Dua puluh* ini menyebut ia selesai ditulis pada 22hb Syawal tanpa menyebut tahunnya.<sup>14</sup> Ia pernah dicetak di Singapura oleh Haji Sulaiman Kampong Gelam pada 1312H dan Sulaiman Mar'ī dan di Bombay oleh percetakan Al-Muhammadī Al-Bandar pada tahun 1318H setebal 32 halaman.

## 27. Kisah Nabi Yusuf

Sebuah karya sastera karangan Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Fatāniy. Tarikh karya ini dihasilkan tidak disebut. Ia memuatkan kisah Nabi Yusuf a.s. dan mungkin karya sulung mengenai Nabi Yusuf a.s. yang ditulis dalam bahasa Melayu.

Dicetak untuk pertama kalinya oleh waris-waris beliau Syeikh Abdullah Dāwūd, Syeikh Muhammad Nor Dāwūd anak Syeikh Muhammad Dāwūd al-Fatāniy di Percetakan al-Miriyyah, Mekah pada 1329H. Pernah juga dicetak berkembar dengan *Jam' al-Fawā'id*.

## 28. *Bisyarāt al-Ikhwān*:

Karya ini adalah terjemahan Syeikh Dāwūd terhadap karya guru beliau Syeikh Abdullah al-Mirghani. Selesai diterjemahkan pada malam Khamis 8hb Rabi' al-Thāni 1226H di Mekah. Pernah dicetak berkembar dengan karya beliau *Jam' al-Fawā'id*. Isinya menerangkan sebab-sebab yang membuatkan seseorang itu mati dalam iman dan langkah yang perlu dibuat untuk mengelakkan diri dari mati dalam kesesatan. Disertakan juga doa-doa yang boleh membantu seseorang supaya mendapat *husn al-khatimah*.

## 29. *Kayfiyyat Khatam al-Qur'an*

\*

Naskhah yang diterbitkan tidak menyebut Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭāñiy sebagai penulisnya atau penyusunnya. Namun para penyelidik menyakini yang risalah tersebut adalah karya beliau.

Dalam risalah ini beliau telah menerangkan tatacara khatam al-Qur'an dan disertakan juga doa-doanya. Karya pertama yang dibuat sebagai panduan untuk majlis khatam al-Qur'an. Risalah ini sudah banyak kali dicetak samada di Mekah, Mesir, Turki, Bombay dan oleh percetakan di Nusantara sendiri.

## 30. *Manhal al-Sāfi fi Bayān Ramz Ahl al-Sūfi:*

\*

Terdapat perselisihan pendapat mengenai pengarang karya ini. Disamping pendapat yang mengatakan yang ia adalah karya Syeikh Dāwūd al-Faṭāñiy, ada juga yang mengatakan ia adalah karangan Syeikh Abd al Qādir bin Abd al-Rahīm, Bukit Bayas, Trengganu. Namun pendapat ini tidak mempunyai bukti yang kukuh. Ada juga pendapat yang mengatakan buku *Manhal al-Sāfi* ini adalah karangan Syeikh Abd al-

Rahman bin Abd al-Mubin, Pauh Bok Al-Fataniy, yang juga merupakan guru kepada Syeikh Dāwūd al-Fatāniy sendiri.

\*

Penulis sependapat dengan Muhd.Shaghir yang cenderung mengatakan, kitab ini adalah karya bersama diantara Syeikh Dawud dan gurunya itu. Pertama ditulis oleh Syeikh Abd al-Rahman dan ditokok tambah dan disempurnakan oleh Syeikh Dāwūd.<sup>56</sup> Namun para ulama lebih gemar menyebut yang buku tersebut adalah karya Syeikh Dāwūd.

Karya ini dikatakan pernah dicetak di Mekah, Mesir dan Turki. Namun cetakan mutawaal itu masih belum ditemui. Ia juga pernah dicetak oleh Pustaka Aman Press,Kota Bharu, Kelantan dan Percetakan Muhammad al-Nahdi tanpa menyebut pengarang dan tempat dicetak. Karya ini telah ditransliterasi oleh Mohd.Shaghir dan diterbitkan oleh Khazanah Fathaniyyah pada Ogos 1992.<sup>57</sup>

Karya ini juga telah dikaji secara menyeluruh oleh Wan Kamaruzaman bin Wan Drahman dalam latihan ilmiah tahun akhir di Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya pada 1995.

Dalam karya ini beliau telah menjelaskan mengenai martabat tujuh yang sangat banyak dibicarakan dalam pengajian *taṣawwuf*. Iaitu

martabat *Aḥādiyah*, *Wahdah*, *Wahidiyyah*, *Alam Arwah*, *Alam Mithāl*, *Alam Ajṣām* dan *Martabat Jāmi'*. Kemudian beliau menyebut mengenai istilah-  
istilah yang digunakan di kalangan ahli sufi dan disudahi dengan  
penutup dan pengajaran rengkas.

### 31. *Nahj al-Rāghibīn fi Sulūk Ṭariq al-Muttaqin*

Syeikh Daud mula mengarang kitab ini pada 1226H/1811M dan selesai ditulis pada 1232H/1816M. Sebuah karya fiqh muamalat yang dimuatkan perbicaraan mengenai hukum jual beli dan disudahi dengan membicarakan tajuk sedekah.

Karya ini telah dicetak berkembar dengan karyanya *Bughyat al-Tullāb* dan pernah dicetak di Mekah, Mesir dan Turki. Naskhah yang dicetak ini adalah jilid pertama kerana ditemui kemudian manuskrip yang merupakan sambungan kepada jilid yang dicetak itu.

## II: Karya yang belum pernah diterbitkan

Penulis memasukkan juga dalam kelompok karya yang belum diterbitkan ini, karya Syeikh Dāwūd yang diterbitkan dalam bentuk

transliterasi dari karya asalnya dalam tulisan Jawi ke tulisan Rumi oleh Hj.Wan Mohd. Shaghir Abdullah.

\* \* \*

### 1. *Wasāyā al-Abraar wa Maw'izah al-Akhyār.*

Karya ini adalah sedutan dan terjemahan dari karya Syeikh Muhammad bin 'Umar al-Ghumrī al-Wasiti yang memuatkan beberapa pesanan dan nasihat serta amalan-amalan harian.Buku ini telah ditransliterasi oleh Mohd Shaghir Abdullah dan diterbitkan oleh Penerbitan Hizbi, Shah Alam, pada 1990.

Setelah dimulakan dengan muqaddimah rengkas beliau telah menyebut bacaan dan doa bagi mengelak perkara-perkara yang tidak disukai dan untuk mencapai sesuatu yang dihajatkan. Umpamanya untuk mengelak bala' dan penyakit, menyelamatkan harta dari dicuri, menyembuhkan dari penyakit, murahkan rezeki dan sebagainya.

Beliau juga memperturunkan kata-kata 'hukama' dan doa-doa yang dibaca ketika melakukan sesuatu perbuatan. Disusuli kemudian dengan menyebut kepentingan zikrullah dan anjuran supaya memperbanyakkan istighfar dan membaca beberapa surah dari Al-Qur'an. Disebut juga mengenai beberapa jenis solat sunat dan disudahi dengan

menyebut beberapa wirid yang dibaca dan diamalkan oleh Rasulullah (s.a.w.).

## 2. *Musawaddah:*

Sebuah karya Syeikh Dāwūd yang memuatkan kisah-kisah mengenai mawlidu'n-Nabi atau keputeraan Rasulullah (s.a.w.). Dimulai dengan puji-pujian kepada Allah dan diikuti dengan selawat dan salam keatas baginda (s.a.w.). Berkemungkinan karya ini merupakan karya pertama mengenai mawlid al-Rasul (s.a.w.) yang ditulis didalam bahasa Melayu yang disusun dengan bahasa Melayu klasik yang indah dan mempunyai nilai sastera yang tinggi. Cuma ia jarang disentuh oleh para sarjana berbanding dengan cerita-cerita mengenai Nabi (s.a.w.) seperti *Hikayat Nur Muḥammad*, *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Bulan Berbelah Dua* dan lain-lain.<sup>57</sup>

Mula ditulis pada 2hb Mawlid (Rabi' al-Awwal) dan selesai pada 9hb Mawlid tahun 1234H/1819M. Karya ini tidak pernah dicetak. Norhayati Ab.Rahman dalam kajiannya bagi mencapai ijazah sarjana di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, telah mengkaji karya ini dengan jodol: Al-Muswaddah: Di antara Karya Sastera Dengan Kitab Agama, pada 1991.

### **3. *Nahj al-Raghibīn wa Sabīl al-Muttaqin II***

Karya ini masih dalam bentuk manuskrip dan dikatakan urutan dari jilid pertama yang dicetak, seperti yang disebut diatas. Selesai ditulis pada hari Juma'at, selikur bulan Jamād al-Awwal, 1234H/1819M di Mekah.

Dalam karya ini Syeikh Dāwūd al-Fatāniy menerangkan mengenai jual beli dan beberapa tajuk berkaitan dengannya. Dimuatkan juga perbincangan mengenai peperangan dan kehakiman seperti hukum menjadi qadi, pendakwaan dan persaksian dan hukum merdeka. Karya ini setebal 426 halaman.

### **4. *Ilmu Taṣawwūf***

Dihasilkan pada 1233H/1817M. Sebuah manuskrip tanpa jodol, Beliau belum sempat menamakan karya tersebut,nama diatas diberikan oleh penyelidik berdasarkan kepada kandungannya yang menyentuh mengenai taṣawwūf seumpama karyanya *Manhal al-Sāfi*.

Melalui karya ini beliau meneruskan penulisan tradisi sufi sebagai lanjutan dari usaha yang dilakukan penulis sebelumnya seperti Hamzah Fansuriy, Syamsuddin al-Sumatraniy dan Abd al-Rauf Fansuriy.

Beliau telah membicarakan mengenai "fānā' al-fānā'" dimana seseorang yang dalam keadaan ini sedang tenggelam dalam *Bahr al-Aḥādīyah* yang sangat mabuk dan tidak siuman dan tidak dikenakan segala taklif syara'.

Syeikh Dāwūd juga menerangkan mengenai ajaran martabat tujuh dengan membuat perbandingan diantara Junāyd al-Baghdādiy dan Ibn 'Arabi. Beliau juga memberikan pandangannya terhadap perkembangan sufi sezaman dengannya dan menjelaskan empat jenis martabat imam sama seperti yang dijelaskan oleh Syeikh Abd al-Rauf dalam *Kifāyah al-Muhtajīn*.

Beliau juga menyebut mengenai *zikrullāh* dalam *khātimah* buku ini dan menyentuh mengenai ungkapan "من عرف نفسه فقد عرف ربها" dimana beliau sependapat dengan mereka yang mengatakan ungkapan itu adalah ḥadīth seperti al-Suyuti, al-Ghazzāliy, Abū Ṭālib al-Makkiy dan Al-Rānirīy dalam *Fath al-Mubīn*. Walaupun Ibn al-Qayyim mengatakan ianya adalah kata-kata Yahya bin Mu'āz al-Rāzīy.

Beliau juga menyentuh isu "Nur Muhammad" dimana beliau tidak bersetuju dengan pendapat yang mengatakan ia adalah sebahagian atau suku dari Nur Allah kerana itu adalah "ittihād".

Beliau juga menjelaskan mengenai 'aqidah yang fasid dan mencadangkan supaya diikuti setiap jejak langkah dan perintah Rasulullah (s.a.w.). Syeikh Dawud juga menyebut sumber rujukan karya beliau antaranya Abd al-Ghānī al-Nablusī dan Syeikh Abd al-Karīm al-Jiliy.<sup>58</sup>

#### 5. *Ta'liq al-Latīf Mimma Yata'alaq bi Jawāz Ta'azur al-Jumaah:*

Dihasilkan pada 1232H. Kandungannya membicarakan mengenai syarat-syarat sah bagi mendirikan berbilang-bilang masjid dalam satu qariah atau negeri untuk digunakan bagi sholat Juma'at.

#### 7. *Tarikh Patani:*

Sebuah karya sejarah Patani. Penulis asalnya adalah Syeikh Faqih Ali bin Wan Muhammad bin Shafiuddin. Karya tersebut telah

disalin semula dan diedit oleh Syeikh Dāwūd. Menurut Worawit Baru dalam kertas kerjanya, Syeikh Dāwūd telah menyalinnya pada 1228H.

\*

Karya ini telah memuatkan sejarah lampauya sebelum pembentukan sehingga ia mempunyai raja yang berdaulat. Karya ini telah ditrasliterasi oleh Hj.Wan Mohd.Shaghir Abdullah dan dimuatkan dalam karya beliau ***Khazanah Karya Pusaka Asia Tenggara Jilid 1*** dari halaman 7- 28.

#### **8. *Fara'id al-Fawa'id al-Fikr fi Imam al-Mahdi:***

Sebuah karya yang berbentuk mansukrip setebal 42 halaman yang menceritakan mengenai Imam Mahadi. Secara umumnya ia boleh diklasifikasikan didalam karya hadith dan sastera.la merupakan terjemahan dari karya asal berbahasa Arab tulisan Syeikh Mar'ie bin Yusoff. Tarikh bila dan dimana karya ini dihasilkan tidak disebut.

Karya ini membicarakan mengenai Imam Mahdi dalam tujuh bab iaitu:

Bab pertama: Menerangkan hakikat nyatanya Imam Mahdi.

Bab kedua: Menerangkan nama dan sifatnya.

Bab ketiga: Menjelaskan petanda tatkala ianya dilahirkan.  
\*

Bab keempat: Menjelas mengenai mubayaah, tempat mubayaah dan tempat ianya dizahirkan.

Bab kelima: Menyatakan fitnah-fitnah sebelum kelahirannya dan sesudahnya.

Bab keenam: Menerangkan pertemuannya dengan Nabi Isa a.s.

Bab ketujuh: Kewafatan dan tempoh pemerintahannya.

Dalam karya ini Syeikh Dāwūd<sup>58</sup> telah menggunakan bahasa yang ringan dan mudah difahami berbeda dengan karya-karyanya yang lain.<sup>59</sup>

## 9. *Uqdah al-Jawāhir*.

Dihasilkan pada 1245H/1829M. Perbicaraannya mengenai tauhid *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah* yang disusun dalam bentuk syair, satu-satunya karya beliau dalam bentuk ini. Bahagian akhirnya

dinyatakan beberapa pendapat ulama Islam yang terkenal. Karya ini membuktikan kemampuan Syeikh Dāwūd mengarang syair dalam bahasa Melayu. Raja Ali Haji terpengaruh dengan gurunya ini.<sup>60</sup>

**10. *Jawab bagi soalan yang datang dari Fatani Dar al-Salam***

Berbentuk risalah yang memuatkan jawapan Syeikh Dawud kepada soalan-soalan yang dikemukakan kepada beliau mengenai tauhid oleh penanya yang datangnya dari *Fatānī Dar al-Salām*.

**11. *Tuhfah al-Ikhwān fi Niṣf al-Sya'bān***

**12. *Fatwa Berjual Beli Dengan Orang Kafir:***

Memuatkan fatwa beliau mengenai jual beli. Ia belum disentuh dalam karya-karyanya yang terdahulu.

**13. *Hukum ḥayd dan Istihādah:***

Berbentuk risalah yang membincarkan mengenai hukum ḥayd dan istihādah secara dital dan terperinci.

**14. *Nubzahfi Bayān Syurūt al-Jum'ah:***

Menerangkan mengenai syarat-syarat sah mendirikan Jum'at.

**15. *Qismah al-Zakat Bayn al-Asnāf:***

Karya ini menjelaskan pandangan Syeikh Dāwūd mengenai pembahagian zakat kepada kelapan-lapan asnafnya seperti yang disebut dalam al-Qur'ān.

**16. *Risalah Tariqat Syatirriyyah wa Samaniyyah:***

Menjelaskan salsilah ambilan tariqat-tariqat tersebut dan amalan-amalan dan tempoh amalannya. Difahami dari apa yang ditulis oleh beliau dalam risalah ini, beliau mengambil tariqat ini secara langsung dari mursyidnya yang terakhir iaitu Syeikh Muhammad bin Abd al-Karim Sammān.

**17. *Fāaidah Muhibbāt fi Kayfiyyat Ṣolāt Terawīh:***

Membicarakan mengenai cara menunaikan solat Terawih dan Witir yang disertakan dengan doanya sekali. Karya pertama yang disusun bagi

menerangkan metod şolat terawih. Kayfiyat şolat terawih yang diamalkan di Nusantara adalah berdasarkan berpedoman kepada kepada cara yang dimuatkan didalam risalah ini. Risalah ini dimuatkan bersama dengan karyanya *Kayfiyyat Khatam al-Qur'ān*. Dimuatkan juga dalam karya ini mengenai Tariqat Syāṭariah, Samaniyyah dan mengenai ziarah kubur. Turut dimuatkan cara-cara dan fadilat sembahyang dua belas rekaat pada malam 27 Ramadhan.

#### **18. *Risalah Kelebihan Basmalah:***

MI 303 di Muzium Islam, Pusat Islam tidak menyatakan ini adalah sebagai karya Syeikh Dāwūd al-Faṭāniy. Namun naskhah kedua dan ketiga menyebutnya sebagai karya beliau. Isinya menyatakan fadilat-fadilat mengamalkan basmalah, cara-caranya dan hitungan jumlahnya.

#### **19. *Risalah Kelebihan Hamdalah***

Berdasarkan kepada MI 303, iaitu selepas dinyatakan kelebihan Basmalah disebut pula mengenai Hamdalah. Dinyatakan mengenai kelebihan-kelebihan membaca Hamdalah.

**20. *Risalah Masa'il***

Sebuah risalah yang membicarakan mengenai solat Juma'at yang berlainan dari karyanya *Ta'liq Latif*.

**21. *Mawlid Nabi Muhammad Sallallahu 'Alayh Wasallam*:**

Selesai ditulis pada hari Jumaat, 8 Muharram 1230H/1814M. Menurut Wan Mohd Shaghir, manuskrip ini tidak lengkap dan hanya beberapa halaman bahagian akhir sahaja. Manuskrip tersebut berada dalam simpanan beliau.

**22. *Saudagar Miskin***

Selesai ditulis pada malam Ahad 5 Ramadhan 1233H/1817M

III. Karya-karya yang disebut sebagai karya Syeikh Dāwūd bin Abdallah al-Fatāniy tetapi masih belum ditemui samada dalam bentuk yang dicetak maupun manuskrip

Karya-karya tersebut adalah:

**1. *Hikayat Lelaki S o i h***

2. *Terjemahan Bidāyah al-Hidāyah.*
3. *Kifāyah al-Jāwiyyah.*
4. *Jihayah al-Takhattub.*  
      \*
5. *Al-Qurb IlalLāh.*
6. *Risalah al-Sā'il.*
7. *Ta'lluq bi Kalimah al-Imān.*
8. *Muqaddimah al-Kubrā.*
9. *Bāb al-Nikāh.*

Nama-nama karya ini diperolehi dari berbagai sumber yang menyebutnya antaranya dari iklan yang biasanya terdapat dimuka belakang buku-buku cetakan Mekah, juga dari pengkaji dan penulis yang menyelidik mengenai Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭāñī.

Disamping karya-karya yang diterbitkan, terdapat juga naskhah-naskhah tulisan tangan yang tersimpan di Muzium Islam, Pusat Islam dan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Tidak termasuk lagi yang berada dalam simpanan orang-orang persorongan dan pengumpul-pengumpul manuskrip Melayu tanahair.

Di Muzium Islam sahaja terdapat kira-kira 167 manuskrip karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Faṭāñī. Angka ini adalah untuk manuskrip

yang sudah dikenalpasti sebagai karya beliau dan tidak termasuk manuskrip yang tidak disebut nama-nama pengarangnya dan masih dalam penyelidikan.

Manuskrip karangan beliau yang terdapat di Muzium Islam, Pusat Islam Malaysia dan bilangannya sehingga 1992 adalah seperti berikut:

- a. *Taalīq Latīf Mimma Yata'alaq bi Jawāz Ta'ddud al-Jum'at* 4 naskhah iaitu MI 15, 151, 156 dan 374.
- b. *Manhal al-Ṣāfi fi Bayān Ramz/Rumūz Ahl al-Ṣūfī* 13 naskhah iaitu MI 17, 48, 128, 137, 262, 354, 414, 429, 448, 467, 504, 603 dan 669.
- c. *Bahjah al-Mard iyyah fi 'Uzr Takhlīl al-Ma'mum 'an al-Imām* 8 naskhah - MI 19, 126, 136, 152, 244, 295, 359 dan 721.
- d. *Jawāhir al-Saniyyah fi Syarḥ 'Aqā'id al-'Aliyyah wa Aḥkām al-Fiqhiyyah al-Mard iyyah* 9 buah - MI 20, 34, 153, 213, 248, 363, 484, 640 dan 660.

- e. *Furu' al-Masa'il wa Usul al-Wasa'il* terdapat 10 buah mansukrip iaitu MI 30, 72, 147, 242, 258, 405, 476, 477, 478, dan 594.
- \*
- f. *Tuhfah al-Rāghibin/Diyā' al-Murid* sebanyak 3 naskhah - MI 487, 622 dan 668.
- g. *Al-Durr al-Thamin* 2 - MI 53 dan 446.
- h. *Sullam al-Mubtadi fi Ma'rifat Tariq al-Muhtadi* sebanyak 14 buah iaitu MI 62, 114, 123, 133, 173, 176, 183, 224, 287, 373, 420, 475, 675 dan 688.
- i. *Kayfiyyat Khatam al-Qur'ān* 4 - MI 81, 227, 539, 560.
- j. *Bughyat al-Tullāb* 4 buah - MI 85, 128, 184 dan 407.
- k. *Idāh al-Bāb li Murid al-Nikāḥ bi al-Ṣawāb* 12 buah - MI 88, 117, 131, 169, 194, 247, 328, 410, 586, 597, 598 dan 731.
- l. *Jam' al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalāid* sebanyak tiga naskhah iaitu MI 91, 350 dan 351.

- m. *Ghayat al-Taqrib fi al-Irth wa al-Ta'sib*, 8 buah iaitu MI 121, 127, 387, 391, 481, 587, 651 dan 709.
- \*
- n. *Munyat al-Musalli* sebanyak 22 mansukrip: MI 130, 132, 136, 152, 165, 174, 175, 202, 205, 238, 299, 302, 348, 358, 393, 393, 425, 469, 512, 584, 585, dan 727.
- o. *Kifayat al-Mutaj fi al-Isrā' wa al-Mi'rāj* 10 buah: MI 134, 324, 442, 507, 582, 583, 588, 613, 674 dan 696.
- p. *Ward al-Zawāhir li Hall Aqd al-Jawāhir* sebanyak 2 buah iaitu MI 139 dan 406.
- q. *Kasf al-Ghummah fi Ahwāl al-Mawta fi al-Barzkh wa al-Qiyāmah*, 5 buah - MI 145, 149, 375, 463 dan 591.
- r. *Hidayat al-Muta'alim*, 2 naskhah - MI 382 dan 589.
- s. *Bulūgh al-Marām fī Kaifiyyat Muqaranah Takbirat al-Harām* 5 buah - MI 19, 151, 303, 327 dan 615.
- t. *Nahj al-Rāghibīn wa Sabīl al-Muhtadin* 3 buah MI 195, 314 dan 480.

- u. *Tuhfat al-Rāghibīn fi Suluk Ṭariq al-Muttaqin* 6 buah: MI 57, 267, 318, 487, 629 dan 650.
- v. *Bab Jinayat* satu buah MI 623.
- w. *Iqd al-Jawāhir* satu buah MI 84.
- x. *Al-Sayd wa al-Dhabā'ih* 4 buah MI 189, 246, 388 dan 499.
- y. *Muswaddah* 6 buah: MI 95, 154, 182, 329, 394 dan 718.
- z. Manuskrip tanpa judul - 6 buah: MI 36, 75, 135, 335, 395 dan 658.

---

<sup>1</sup>H.W.M.Shaghir Abdullah, *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' Dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1990, hal.22 ; Lihat juga: Hooker, *Undang-undang Islam di Asia Tenggara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hal.73.

\*

<sup>2</sup>Hj.Wan Mohd. Shaghir Abdullah, "Sejarah Rengkas Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani Dan Karya-karyanya", k.kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Peringkat Kebangsaan Kali Keempat, K.Lumpur, 1991, hal. 18.

<sup>3</sup>Mohd. Shaghir, *op.cit*, hal. 9-11.

<sup>4</sup>*Ibid*, hal.20.

<sup>5</sup>Ahmad Fathy al-Fatani, *Pengantar Sejarah Patani*, Alor Setar: Pustaka Darussalam, 1994, hal.135.

<sup>6</sup>Abdullah al-Qari, "*Pujangga Syeikh Daud Fatani*", *Majallah Dian*, bil.10, 1967, hal. 131.

<sup>7</sup>Ismail Che Daud, *Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1989, hal. 17; Engku Ibrahim Ismail, *Syeikh Dawud al-Fatani: Satu Analisis Peranan Dan Sumbangannya Terhadap Khazanah Islam Di Nusantara*, K.Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1992, hal.20; Lihat juga: Ahmad Fathi al-Fatani, *op.cit*, hal. 136.

<sup>8</sup>Mohd. Shaghir, *op.cit*, hal.23.

<sup>9</sup>Diterbitkan oleh Muslim Press, Menara, cet.1, t.t. hal.23.

<sup>10</sup>Wan Mohd.Shaghir Abdullah, *Mun-yatul Mushalli Syeikh Daud al-Fatani Pengetahuan Sembahyang Masyhur*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, 1991, hal. 7. Lihat juga: Wan Kamaruzaman bin Wan Drahman, "*Sumbangan Syeikh Daud al-Fataniyy Dalam Tasawwuf:Satu Kajian Khusus Terhadap Kitab al-Manhal al-Sofiyy Fi Bayan Ramz Ahl al-Suffiy*", kertas projek Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, 1994, hal. 59.

<sup>11</sup> Mohd.Shaghir, *op.cit*, hal.13.

<sup>12</sup>*Ibid*, hal. 17.

<sup>13</sup>Engku Ibrahim bin Ismail, *op.cit*, hal. 25.

<sup>14</sup>Maheson dan Hooker, art. "*Jawi Literature*", JMBRAS, vol.61, pt. 1, No.254, hal. 20.

---

<sup>15</sup>Engku Ibrahim Ismail, *op.cit*, hal.26.

<sup>16</sup>Ismail Che Daud, *op.cit*, hal.22.

<sup>17</sup>Mohd. Shaghir, *op.cit*, hal.25-26.

<sup>18</sup>*Ibid*, hal.34.

<sup>19</sup>*Ibid*, hal.27.

<sup>20</sup>C.Snourck Hurgronje, *Mekka In Later Part of 19th Century*, Leiden: 1906, hal. 254-255.

<sup>21</sup>Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fataniy, *Hadiqat al-Azhar wa al-Rayahin*, P.Pinang, Persama Press, hal. 173.

<sup>22</sup>Mohd Shaghir (1990), *op.cit*, hal.26.

<sup>23</sup>Fatimah Ali, "Syeikh Daud al-Fatani Sebagai Pendidik Dan Pendakwah", *Dunia Islam*, Jan. 1992, hal. 50.

<sup>24</sup>*Ibid*.

<sup>25</sup>Mohd.Shaghir, *op.cit*, hal.32.

<sup>26</sup>*Ibid*, hal. 33-35.

<sup>27</sup>Mohd Shaghir, *op.cit*, hal. 19.

<sup>28</sup>*Ibid*.

<sup>29</sup>P.Voorhoeve, art. "Dewud", *Encylopediad of Islam*, vol. 11, Leiden: E.J.Brill, 1965, hal. 183. Lihat juga: Snourck Hurgronje, *op.cit*, hal. 154-155.

<sup>30</sup>Abdul Kadir bin Haji Muhammad, "Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia", (Disertasi), Kuala Lumpur: Fakulti Syariah, U.Malaya, 1989, hal. 79-81.

<sup>31</sup>Matheson dan Hooker, *op.cit*, hal.21-25.

<sup>32</sup>Mohd.Shaghir, *op.cit*, hal. 27. -

<sup>33</sup>Matheson dan Hooker, *op.cit*, hal. 28.

<sup>34</sup>Sebanyak 57 buah disebut dalam bukunya *Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Ulama' dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*, hal. 55-57 dan empat buah lagi sebagai tambahan hasil dari penemuan terbaru eliau

---

dimuatkan dalam bukunya *Munyatul Mushalli* hal. 8-21. Dalam kertaskerja "Sejarah Rengkas Syeikh Dawud bin Abdallah al-Fataniy Dan Karya-karyanya" hal. 27, disebut: "Judul karya beliau yang telah didokumentasikan sebanyak 66 judul dari 99 atau 101 judul".

<sup>35</sup>Ismail Che Daud, *op.cit*, hal. 36-49.

<sup>36</sup>Abdullah al-Qari, *op.cit*, hal. 131-135.

<sup>37</sup>Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Fatānīy, *Idāh al-Bāb li Murid al-Nikāh bi al-Sawāb*, P.Pinang: Dar al-Maarif, t.t.

<sup>38</sup>Snourch Hurgronji, *op.cit*, hal. 287.

<sup>39</sup>Muhammad 'Uthman El-Muhammady, *Peradaban Dalam Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1976, hal.223.

<sup>40</sup>Engku Ibrahim Ismail, *Bibliografi Manuskrip Islam di Muzium Islam Malaysia*, K.Lumpur: BHEIS Jabatan Perdana Menteri, 1992, hal. 72-77.

<sup>41</sup>Muhammad 'Uthman El-Muhammady, "Pemikiran Syeikh Daud al-Fatani Dalam Tasauf", k.kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Keempat, K.Lumpur,1991, hal.5.

<sup>42</sup>Mohd Shaghir, *op.cit*, hal.2-3; Engku Ibrahim Ismail, *op.cit*, hal.45.

<sup>43</sup>Mohd Shaghir, *op.cit*, hal. 133.

<sup>44</sup>*Hidayat al-Muta`alim*, hal.5-6.

<sup>45</sup>Mohd Shaghir, *op.cit*, hal. 82; Muhammad 'Uthman El-Muhammady, *op.cit*, hal. 4.

<sup>46</sup>Wan Muhd.Shaghir Abdullah, "Sumbangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Kepada Pengajian Fiqhi Syafi'i di Asia Tenggara", k.kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama', K.Lumpur, 1991, hal. 8.

<sup>47</sup>Mohd Shaghir, *op.cit*, hal.85; Matheson dan Hooker, *op.cit*, hal.23.

<sup>48</sup>Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fataniy, *Jawahir al-Saniyyah*, Surabaya: Bangkol Indah, t.t.

<sup>49</sup>Abdul Kadir Haji Muhammad, *op.cit*, hal.71.

<sup>50</sup>Lihat: *Sullam al-Mubtadi*, P.Pinang: Maktabah Dar al-Ma`arif, t.t.

---

<sup>51</sup>Mohd.Shaghir, *op.cit*, hal. 85.

<sup>52</sup>Syeikh Dāwūd al-Faṭāñī, *Furu' al-Masa'il*, Dar al-Fikr, t.t.

<sup>53</sup>Isamil Che Daud, *op.cit*, hal. 36.

<sup>54</sup>Engku Ibrahim bin Ismail, *op.cit*, hal.33-34. Lihat juga: Muhammad 'Uthaman El-Muhammady, *op.cit*, hal.

<sup>55</sup>Mohd.Shaghir, *op.cit*, hal.58.

<sup>56</sup>Hj.Wan Mchd Shaghir Abdullah, *Manhalush Shafi Syeikh Daud al-Fathani*, K.Lumpur: Khazanah Fathaniyyah, 1992,hal.3.

<sup>57</sup>Abu Hassan Sham, "Pengaruh Karya Syeikh Daud Fatani Dalam Sastera Melayu", k. kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama' Keempat, K.Lumpur, 1991, hal. 10.

<sup>58</sup>Hj. Wan Muhd Shaghir Abdullah, "Pendokumentasian Karya-karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani Yang Belum Pernah Dicetak", *Dewan Bahasa*, Disember, 1990, hal. 966-969.

<sup>59</sup>*Ibid*, hal. 860-861.

<sup>60</sup>*Ibid*, hal.863.